



Kenyataan Media

CYBERJAYA
11 Julai 2023

MCMC TERIMA KUNJUNGAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN DIGITAL, DATUK MOHAMAD FAUZI MD ISA

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) hari ini telah memberi taklimat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD), Datuk Mohamad Fauzi Md Isa sempena lawatan kerja beliau ke Ibu Pejabat MCMC di Cyberjaya.

Antara taklimat yang telah diberikan adalah mengenai fungsi utama MCMC sebagai badan kawal selia sektor komunikasi dan multimedia serta inisiatif-inisiatif strategik dan projek-projek utama yang sedang dijalankan seperti Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), pelaksanaan 5G serta Peranan Pusat Ekonomi Digital (PEDi).

Pada sesi tersebut, pihak MCMC turut membentangkan pelbagai isu, trend, dan cabaran yang dihadapi dalam sektor komunikasi dan digital di samping membincangkan fokus terhadap pemantauan jenayah dalam talian, penambahbaikan infrastruktur, serta pemajuan teknologi dan inovasi dalam bidang komunikasi dan digital.



Gambar 1



Gambar 2



Gambar 3



Gambar 4

Gambar 1: Pengerusi MCMC, YBhg. Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din menyambut ketibaan Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD), Datuk Mohamad Fauzi Md Isa di Ibu Pejabat MCMC, Cyberjaya.

Gambar 2: Datuk Mohamad Fauzi mendengar taklimat yang diberikan oleh pihak MCMC mengenai inisiatif-inisiatif strategik dan projek-projek utama yang sedang dijalankan.

Gambar 3: YBhg. Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din memberi penerangan kepada Datuk Mohamad Fauzi serta delegasi-delegasi KKD.

Gambar 4: Sesi penerangan oleh pihak MCMC kepada Datuk Mohamad Fauzi Md Isa yang turut dihadiri oleh pegawai-pegawai tertinggi MCMC.

Lawatan itu telah disambut mesra oleh Pengerusi MCMC, YBhg. Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din serta pegawai-pegawai tertinggi MCMC. Warga MCMC merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Datuk Mohamad Fauzi atas dedikasi dan sokongan beliau terhadap usaha MCMC dalam melaksanakan mandat Menteri Komunikasi dan Digital, YB Fahmi Fadzil. Lawatan itu membuka peluang untuk meningkatkan kerjasama dan pemahaman antara MCMC dan KKD, serta memperkukuh komitmen bersama memajukan ekonomi digital negara.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: +60 3 86 88 80 00 | F: +60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

